

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' SRI HASAN BIN MALEK
(KUALA PILAH)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 21.10.2015

Y.B. DATO' SRI HASAN BIN MALEK [KUALA PILAH] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah langkah-langkah ataupun cadangan untuk menghapuskan GST ke atas iklan di dalam semua medium media seperti surat khabar, majalah, radio dan televisyen sebagai usaha Kerajaan dalam meringankan beban operasi peniaga/pengiklan serta syarikat media tempatan dan ini sejajar dalam membantu memulihkan kembali kesan kejatuhan jualan media (cetak) di Malaysia.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkhidmatan pengiklanan adalah merupakan bekalan berkadar *standard* di bawah GST. Sehubungan itu,

mana-mana pihak yang membuat pengiklanan melalui penyedia perkhidmatan yang berdaftar perlu membayar GST 6% ke atas perkhidmatan tersebut. Isu penghapusan GST ke atas iklan termasuk media cetak sewajarnya tidak berbangkit kerana sebelum pelaksanaan GST, perkhidmatan pengiklanan tertakluk kepada cukai perkhidmatan pada kadar yang sama, iaitu 6%.